

SOALAN NO: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: DATO' SRI HASAN BIN MALEK

TARIKH: 20 MAC 2018

SOALAN:

**Dato' Sri Hasan Bin Malek [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah dan mekanisme yang telah dan sedang dirancang oleh Kerajaan bagi menjadikan TVET sebagai program kelas pertama dan tidak dijadikan sebagai *second option* para pelajar serta keberkesanan program ini yang mampu melahirkan generasi pelajar mentaliti kelas pertama dan kebolehpasaran yang mampu bersaing di peringkat tempatan dan global.

PR-1361-L04882

45

## JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

1. YAB Perdana Menteri pada 27 September 2017 telah mengumumkan Penjenamaan TVET Malaysia. Ia kemudiannya disusuli dengan pengumuman budget 2018 yang berjumlah hampir RM4.9 bilion untuk meningkatkan kapasiti pelaksanaan TVET di Malaysia yang merangkumi tujuh (7) Kementerian utama. Ia kemudian diterjemahkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan TVET Malaysia Peringkat Menteri Bil. 1/2018 yang telah diadakan pada 16 Januari 2018. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Manusia dan telah dihadiri oleh Menteri & Timbalan Menteri dari 7 kementerian utama TVET yang berkaitan. Empat (4) kertas pembentangan telah dibentangkan pada Mesyuarat peringkat Menteri iaitu:

- (i) Terma Rujukan Penubuhan Jawatankuasa TVET Malaysia;
- (ii) Lanskap dan Hala Tuju TVET Malaysia;
- (iii) Terma Rujukan Kajian Pelan Induk TVET Malaysia; dan
- (iv) Peranan Malaysia *Board of Technologists* (MBOT) dalam Memperkasakan TVET Malaysia.

2. Penyelarasan di peringkat tujuh (7) kementerian utama ini akan sentiasa memastikan supaya pelaksanaan TVET Malaysia sentiasa relevan dan mengikut kehendak persekitaran ekonomi semasa. Ia juga adalah untuk meningkatkan martabat TVET supaya tidak

dijadikan pilihan kedua dan kebolehpasaran graduan TVET itu sendiri.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Bagi memastikan keberkesanan program ini yang mampu melahirkan generasi pelajar mentaliti kelas pertama dan kebolehpasaran yang mampu bersaing di peringkat tempatan dan global, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Manusia dengan Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI) menawarkan kursus-kursus berbentuk kemahiran dan teknikal kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) secara sepenuh masa dan separuh masa bagi pekerja industri dalam meningkatkan tahap kemahiran teknikal mereka. Ianya bertujuan untuk menyediakan tenaga kerja yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa serta pembelajaran Bahasa Inggeris juga diajar dan diterapkan kepada pelajar-pelajar institut yang sedang menjalani latihan sepenuh masa.

4. Bagi memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran, JTM telah menubuhkan Jawatankuasa Kepakaran Bahasa Inggeris yang dianggotai oleh guru-guru Bahasa Inggeris JTM. Jawatankuasa ini telah membangunkan program intensif JTM *English Proficiency Test* (JEPT). Program ini menumpukan kepada kaedah *student-centred* dan *experiential learning* dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Program ini telah diguna pakai di seluruh Institusi Latihan Jabatan

Tenaga Manusia (ILJTM) dan para pelajar dapat menerima baik program yang telah dilaksanakan. Modul Bahasa Inggris ini berjaya meningkatkan kemampuan dan keyakinan graduan ILJTM untuk berkomunikasi di dalam Bahasa Inggris di alam pekerjaan supaya mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

**SOALAN NO.26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI**  
**JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW**  
**[ SIBU ]**  
**TARIKH : 20 MAC 2018 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ SibU ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

Tentang 90 Bas elektrik di Sarawak di bawah inisiatif 'Stage Bus Service Transformation' (SBST). Adakah bandar lain di Sarawak akan diagihkan bas elektrik tersebut selain daripada Kuching. Apakah sebab banyak pondok perhentian bas telah dibina di SibU bawah JKR, walaupun servis bas semakin berkurangan.

49

SOALAN NO.26

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Skim Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti (*Stage Bus Services Transformation Scheme - SBST*) ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di bawah Aku Janji Kerajaan Persekutuan. Program ini melibatkan semua Ibu Negeri di Malaysia sehingga tahun 2025 dan fasa pertama melibatkan 5 buah Ibu Negeri iaitu Kangar, Seremban, Ipoh, Kuching dan Kuala Terengganu. Inisiatif ini dilaksanakan bagi menggalakkan penggunaan kenderaan awam yang efisien dengan kadar yang munasabah kepada rakyat. Sehubungan itu, Kerajaan berhasrat untuk memberikan fokus terhadap keperluan di kawasan Ibu Negeri.

Buat masa kini, perjanjian SBST ini masih di peringkat perbincangan semula berikutan permohonan Kerajaan Negeri Sarawak untuk menukar spesifikasi bas daripada jenis diesel kepada elektrik. Perbincangan lanjut berhubung hala tuju projek ini masih dalam proses untuk dimuktamadkan.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat,

Kenyataan dalam soalan YB adalah tidak tepat kerana pembinaan dan penyenggaraan pondok perhentian bas di Sibul adalah di bawah